

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di bawah Matlamat Pembangunan Milenium atau Millineum Development Goals (MDG) dari tahun 2000 hingga tahun 2015 dan Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals (SDG) dari tahun 2016 hingga tahun 2030 menetapkan sasaran pemerkasaan.

SDG ke-5 adalah untuk meningkatkan kesaksamaan gender agar wujud masyarakat seimbang di samping mengurangkan kemiskinan, mempromosikan kesihatan, pendidikan, perlindungan dan kesejahteraan wanita. Rencana ini membincangkan aspek pemerkasaan wanita, iaitu kepimpinan wanita.

Gaya kepimpinan wanita yang berteraskan kerjasama dan keterangkuman amat penting dalam mencapai matlamat SDG serta usaha pemulihan ekonomi pasca-COVID-19. Berdasarkan kajian, kepimpinan wanita mempunyai hubungan yang positif dengan pembangunan sosioekonomi. Semakin tinggi penyertaan wanita sebagai pemimpin, semakin tinggi pelaburan dalam perlindungan sosial, kesihatan, dasar, dan program pendidikan.


Bahagian seterusnya membincangkan kepimpinan wanita di Malaysia. Golongan wanita mewakili sebanyak 48.62% penduduk Malaysia. Berdasarkan skor Indeks Jurang Gender Malaysia (IJGM) atau Malaysian Gender Gap Index (MGGI) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia mencatatkan purata skor sebanyak 0.707 atau 70.7% pada tahun 2021.

Skor 1.0 (100%) menunjukkan kesaksamaan antara wanita dengan lelaki tercapai. Berdasarkan skor IJGM pada tahun 2021, Malaysia berada di kedudukan ke-80 daripada 146 buah negara di dunia. Pada masa yang sama, dalam kalangan negara Asia Timur dan Asia Pasifik, Malaysia berada di kedudukan

Kepimpinan Wanita dalam Pembangunan Negara



Madeline Berma



kesembilan pada tahun 2021, mengatasi Vietnam, Indonesia, Kemboja, dan Jepun.

Data IJGM menunjukkan pencapaian wanita melebihi lelaki dalam subindeks pencapaian pendidikan dengan skor 1.060, kesihatan dan kehidupan

(0.960), manakala peluang dan penyertaan ekonomi (0.709). Walau bagaimanapun, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) wanita masih rendah, iaitu sebanyak 55.5% pada tahun 2021 jika dibandingkan dengan negara Asia Tenggara lain seperti Laos (74.8%) dan Kemboja (74%).

Analisis data IJGM juga menunjukkan penguasaan politik mencatatkan skor terendah, iaitu 10% (skor 0.10) yang menunjukkan wanita masih jauh ketinggalan berbanding dengan lelaki dalam jawatan menteri dan Parlimen. Keadaan ini agak ketara setelah Pilihan raya Umum (PRU) ke-15.

Pada tahun 2004, Kerajaan Malaysia menetapkan sasaran sebanyak 30% penyertaan wanita pada peringkat pembuatan keputusan. Namun, hingga tahun 2022, jumlah wanita sebagai calon untuk kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), masih jauh lebih rendah daripada sasaran sebanyak 30%.

Menurut Pantau PRU15, jumlah calon wanita PRU ke-15 adalah lebih tinggi berbanding dengan PRU ke-14 dan PRU sebelumnya. Pada PRU ke-15, calon wanita bagi kerusi Parlimen adalah sebanyak 13.4%. Pada PRU ke-14, calon wanita bagi kerusi Parlimen adalah sebanyak 10.48%. Manakala, calon wanita bagi kerusi Parlimen pada PRU ke-13 adalah sebanyak 8.98%. Calon wanita bagi kerusi Parlimen pada PRU ke-12 pula adalah sebanyak 8.8%.

Bagi DUN, calon wanita adalah sebanyak 13.6%, iaitu 59 orang calon daripada 435 orang calon secara keseluruhannya. Bagi PRU, gabungan parti politik yang paling banyak mencalonkan wanita ialah Pakatan Harapan (PH) dengan 40 orang calon atau 18%, diikuti oleh Barisan Nasional (BN) dengan 22 orang calon atau 11% dan Perikatan Nasional (PN) dengan 16 orang calon atau 9.3%. Walaupun jumlah calon wanita meningkat berbanding dengan PRU sebelumnya, tetapi jumlah ini tidak sampai 20% sejak negara ini melaksanakan PRU.

Berdasarkan keputusan PRU ke-15, sebanyak 32 orang calon wanita daripada 127 orang calon yang bertanding di kerusi Parlimen berjaya mendapat mandat rakyat pada PRU ke-15. Bagi DUN, sebanyak 15 orang calon daripada 60 orang calon yang bertanding di Perlis, Perak, Pahang, dan Bugaya di Sabah berjaya memenangi kerusi masing-masing.

Satu lagi kekecewaan, ialah pengurangan jumlah ahli Parlimen wanita pada PRU ke-15 berbanding dengan PRU ke-14. Pada PRU ke-14, Malaysia mempunyai 33 orang ahli Parlimen wanita, iaitu sebanyak 14.86% daripada jumlah 222 orang ahli Parlimen. Manakala, pada PRU ke-15, jumlah tersebut berkurangan kepada 32 orang atau 14.41%.

Bagaimanakah pencapaian wanita Malaysia berbanding dengan wanita di negara lain? Dalam hal ini, Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara seperti Rwanda, Cuba, Nicaragua, Mexico, dan Emiriyah Arab Bersatu. Ahli Parlimen wanita di negara-negara tersebut adalah lebih daripada 50% daripada jumlah keseluruhan ahli Parlimen. Sebagai contohnya, Rwanda mencatatkan sebanyak 61% daripada ahli Parlimennya terdiri daripada wanita.

Dari segi wilayah, peratusan wanita dalam kerusi Parlimen di negara Amerika Latin, Caribbean, Eropah, dan Amerika Utara adalah sebanyak 30%; di sub-Sahara Afrika (26%);

di Asia Timur dan Asia Tenggara (22%), dan di Afrika Utara dan Asia Barat (21%). Malaysia yang hanya mempunyai 14.4% ahli Parlimen wanita, masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara lain di dunia. Harapan rakyat Malaysia untuk melihat sekurang-kurangnya 30% representasi wanita di Parlimen, masih tertangguh.

Bahagian seterusnya membincangkan penyertaan wanita pada peringkat pembuatan keputusan di sektor awam dan swasta. Berbanding dengan penyertaan wanita dalam politik dan Parlimen, penyertaan wanita pada peringkat membuat keputusan di sektor awam dan swasta adalah lebih baik.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, penjawat awam pada peringkat pembuatan keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas yang dipegang oleh wanita, meningkat daripada 37.3% pada tahun 2019 kepada 38.7% pada tahun 2021. Wanita mendominasi kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54), iaitu sebanyak 66.3% pada tahun 2019; 66.7%

pada tahun 2020 dan 67.0% pada tahun 2021.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa jumlah wanita yang menyandang jawatan ketua setiausaha bertambah. Walau bagaimanapun, peratusannya berkurangan daripada 25.9% pada tahun 2019 kepada 20.8% pada tahun 2021. Terdapat juga pengurangan dalam peratusan wanita sebagai ketua-ketua pengarah, pengarah, dan pengurus besar badan berkanun dalam sektor awam.

Jumlah wanita sebagai ketua-ketua pengarah, pengarah, dan pengurus besar badan berkanun, berkurangan daripada 15.0% pada tahun 2019 kepada 6.8% pada tahun 2021. Manakala, di sektor swasta, keanggotaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah di 100 buah syarikat tersenarai awam adalah sekitar 25.8%. Walaupun peratusan wanita sebagai ahli lembaga pengarah adalah di bawah sasaran 30%, penyertaan wanita pada peringkat "C-Suite", adalah lebih tinggi.

Pada tahun 2022, Grant Thornton (sebuah firma profesional berkaitan dengan



perakaunan dan perundingan) dalam penyelidikannya berkaitan dengan wanita dalam perniagaan melaporkan kedudukan wanita pada peringkat pengurusan tertinggi. Berdasarkan kajian, Malaysia berjaya meningkatkan penyertaan wanita dalam pengurusan tertinggi kepada 37%, iaitu satu pencapaian terbaik walaupun ekonomi negara dilanda pandemik COVID-19.

Penyertaan wanita pada peringkat pengurusan tertinggi meningkat daripada 31% pada tahun 2020 kepada 37% pada tahun 2021. Peningkatan tersebut melampaui sasaran sebanyak 30% bagi wanita pada peringkat pembuatan keputusan di Malaysia dan sebanyak 31% bagi wanita pada peringkat pembuatan keputusan pada peringkat global.

Di samping itu, kajian tersebut menunjukkan peningkatan dari segi wanita pada peringkat "C-Suite" atau "C". Pengurusan pada peringkat "C" dalam sesebuah perusahaan merujuk singkatan pada peringkat tertinggi dalam sesebuah organisasi. Hal ini demikian kerana huruf "C" ialah singkatan bagi "chief" atau ketua. Umumnya, jawatan pada peringkat C ini, melibatkan ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pegawai kewangan, ketua pegawai teknologi, ketua pegawai sumber manusia, ketua pegawai pematuhan, ketua pegawai data, dan ketua pegawai pasaran.


Berdasarkan kajian Grant Thornton, jawatan ketua pegawai eksekutif dalam kalangan wanita Malaysia adalah sebanyak 10%. Sebanyak 41% wanita sebagai ketua pegawai kewangan; ketua pegawai pasaran (36%), ketua pegawai sumber manusia (54%), dan ketua pegawai maklumat (20%).

Mengapakah Malaysia perlu lebih banyak wanita pada peringkat pembuatan keputusan di sektor awam, swasta dan lebih-lebih lagi menjadi wakil rakyat di Parlimen dan DUN? Jawapannya adalah seperti yang berikut:

1. Kajian empiris terhadap 159 buah negara membangun menunjukkan bahawa negara yang mempunyai lebih banyak wanita dalam Parlimen berkemungkinan besar meluluskan undang-undang yang sensitif berkaitan dengan gender seperti jenayah rogol, gangguan seksual, keganasan domestik, dan sebagainya.
2. Menurut United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women atau UN Women, penglibatan wanita dalam politik ialah prasyarat asas kepada kesaksamaan gender dan demokrasi tulen.
3. Kerencaman pandangan yang dibawa oleh penyertaan wanita dalam pucuk pimpinan sektor awam dan swasta menyumbang kepada tadbir urus yang lebih dinamik.
4. Berdasarkan kajian, pemimpin wanita lebih berjaya menangani krisis, seperti pandemik COVID-19. Negara yang dipimpin oleh wanita, mengalami kadar kematian yang lebih rendah akibat

COVID-19 berbanding dengan negara yang dipimpin oleh lelaki. Walaupun hanya 8% pemimpin dunia terdiri daripada wanita, tetapi sebanyak 40% daripada tindakan menghadapi krisis pandemik COVID-19 yang berjaya adalah daripada pemimpin wanita.

Kepimpinan wanita sangat penting untuk mempercepat pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara pasca-COVID-19. Malaysia perlu bangkit semula. Malaysia perlu berani dan sanggup untuk melakukan sesuatu yang baharu dengan memusnahkan ketaksamaan, yang menghambat wanita daripada meningkatkan potensi pembangunannya.

Negara perlu terus giat menyemai bibit kepemimpinan dalam kalangan kanak-kanak perempuan dan menyuburkan akar kepemimpinan wanita bagi merealisasikan masa depan Malaysia yang lebih saksama, terangkum dan lestari. 

Dato Dr. Madeline Berma ialah Felow Akademi Sains Malaysia. Beliau juga Felow Kehormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA).